BENGKEL SISTEM PENGURUSAN ADUAN AWAM (SISPAA) BAGI JABATAN KERAJAAN NEGERI DAN BADAN BERKANUN NEGERI SIRI 2 TAHUN 2026

KUANTAN, 5 November 2026 - Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang melalui Unit Korporat dengan kerjasama Biro Pengaduan Awam (BPA) Pahang telah menganjurkan Bengkel Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) bagi Jabatan Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun Negeri Siri 2 Tahun 2026 pada 3 dan 4 November 2026, bertempat di Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang (PPAP).

Bengkel ini bertujuan memberikan pendedahan dan pemahaman kepada pegawai yang dilantik oleh jabatan dan agensi berkaitan tentang fungsi serta ciri-ciri SISPAA, di samping meningkatkan kecekapan dalam mengaplikasikan sistem tersebut bagi menguruskan aduan awam mengikut tatacara yang betul dan tepat, selaras dengan usaha berterusan Kerajaan Negeri Pahang untuk mempertingkatkan mutu pengurusan aduan awam serta menambah baik penyampaian perkhidmatan kepada orang awam.

Bengkel ini telah dikendalikan oleh Penolong Pengarah BPA Pahang, Encik Ahmad Nasrullah bin Abdul Halim dan dibantu oleh Encik Bo Yamin bin Isa.

Seramai 37 orang peserta daripada jabatan dan agensi di bawah pentadbiran Setiausaha Kerajaan Pahang telah hadir bagi menyertai bengkel ini.

#MajuTerusPahang

#Pahang1st


PENYAMPAIAN MAKLUM BALAS DAN JAWAPAN
ADUAN KEPADA PENGADU (SAMB.)
6. Jika tindakan pembetulan memerlukan tempoh penyelesaian lebih 15 hari, agensi hendaklah memaklumkan perancangan dan jangkaan sasaran tarikh penyelesaian boleh dilakukan.
7. Maklum balas kepada pengadu boleh diberikan secara berp mengikut kemajuan penyelesaian bagi kes aduan yang memerlukan penyelesaian yang lama.
8. Bagi keputusan yang tidak memihak kepada pengadu, beri pe kenapa dan had kuasa agensi.
9. Beri penghargaan kepada pengadu dan maklumkan penambahbaikan yang telah diambil rentetan aduan tersebut.









